



07 MAY, 2024

PETRA, pemain industri jalin kerjasama galak pemasangan solar di kediaman

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

PETRA, pemain industri jalin kerjasama galak pemasangan solar di kediaman

SHAH ALAM - Kerajaan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melancarkan Inisiatif Solar Peralihan Tenaga Untuk Rakyat atau Solar PETRA dan Program Solar Boleh di sini pada Isnin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata, dua inisiatif itu dirangka secara khusus untuk meluaskan akses rakyat kepada skim pemasangan solar di premis kediaman.

"Dengan komitmen dan ketekunan semua pihak berkepentingan, saya yakin program ini mendapat sambutan dan memberikan impak positif terhadap usaha pengurangan jejak karbon negara," katanya selepas melancarkan Solar PETRA dan Program Solar Boleh di AEON Mall Shah Alam di sini pada Isnin.

Rakan usaha sama yang terlibat ialah AEON Group, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan SOLS Energy yang bekerjasama dengan PETRA selain Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia.

Mengulas lanjut, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air berkata, inisiatif Solar PETRA yang diperkenalkan itu akan menjadi inisiatif penaung kepada program atau skim solar yang dikhurasukan untuk rakyat termasuk Program Solar Boleh.

Ujarnya, Program Solar Boleh merupakan satu usaha sama antara PETRA, AEON Group, SOLS Energy dan BSN yang antara lainnya bertujuan mempromosi dan menguaruarkan inisiatif solar untuk rakyat disediakan pihak swasta.



FOTO BERI...

Fadillah (tengah) melawat di sekitar tapak pameran selepas Majlis Pelancaran Inisiatif Solar@Petra di AEON Mall Shah Alam pada Isnin.

"Langganan pemasangan sistem solar untuk rakyat boleh dilakukan secara mudah di cawangan-cawangan AEON di seluruh negara dan kemudahan pembiayaan solar oleh BSN kepada kakitangan kerajaan dengan tawaran kadar faedah yang kompetitif dan pembayaran balik boleh dilakukan melalui pemotongan gaji.

"Selain itu, kemudahan langganan solar oleh SOLS Energy yang menyediakan kaedah pembiayaan solar berdasarkan model sifar modal kepada pengguna domestik dan seterusnya menjadikan pemasangan solar mampu bayar untuk rakyat," ujarnya.

Tambah beliau, pelaksanaan Program Solar Boleh turut menyediakan pelbagai pilihan dan memudahkan lagi capaian rakyat kepada skim pemasangan sistem solar PV yang ditawarkan di pasaran.

"Program ini juga merupakan tambahan kepada program rebat solar diperkenalkan kerajaan pada awal bulan April 2024, iaitu Skim Insentif Solar Rakyat (SolaRIS) yang sedang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad.

"Besarlah harapan saya agar pelaksanaan Program Solar Boleh dan SolaRIS yang merupakan dua program permulaan dirangka dan dilaksanakan di bawah Inisiatif Solar@PETRA ini akan memberikan manfaat optimum kepada rakyat," ujarnya.

Fadillah berkata, beliau juga akan memberikan komitmen bahawa PETRA akan meneruskan usaha untuk merangka lebih banyak program khusus bagi membolehkan rakyat mendapat lebih banyak manfaat daripada penerapan teknologi solar bagi penjanaan bekalan elektrik melalui pemasangan sistem solar PV di premis kediaman.